

Tatacara dan Prosedur Parlimen di Malaysia: Ayat Mengundang-Undangkan dalam Undang-Undang

*Procedures in Parliament of Malaysia:
Enacting the Formula of Bills*

Jackie Mary Fernandis, Mohamad Tarmizi bin Ahmad** dan
Wan Noorzaleha binti Wan Hasan****

Abstrak

Secara umumnya, kita mengetahui bahawa Perkara 66(3) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Rang Undang-undang ("RUU") hendaklah dikemukakan untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong sebelum suatu RUU itu boleh diwartakan dan dikuatkuasakan. Namun, Peraturan Mesyuarat 50A Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ("PPMMDN") dan Peraturan Mesyuarat 95 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ("PPMMDR") telah memperuntukkan formula penentuan untuk mengundang-undangkan suatu RUU sebelum RUU itu dikemukakan untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Artikel ini tidak bertujuan untuk mencadangkan mahupun mengemukakan apa-apa pindaan terhadap undang-undang dan prosedur sedia ada. Pada hujung artikel ini, penulis berhasrat untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada pembaca umum berhubung tujuan dan cara penetapan peletakan ayat mengundang-undangkan suatu RUU selaras dengan proses perundangan Majlis Parlimen. Artikel ini turut bertujuan mendedahkan kepentingan peletakan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Parlimen sebelum undang-undang itu dikemukakan untuk mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong.

* Jackie Mary Fernandis merupakan pegawai Undang-undang Parlimen Malaysia dan Munsyi Muda (Bahasa) Dewan Bahasa dan Pustaka. E-mel: jackiemary@parlimen.my.

** Mohamad Tarmizi bin Ahmad merupakan Penasihat Undang-undang Parlimen Malaysia. E-mel: mohamadarmizi@parlimen.my.

*** Wan Norzaleha binti Wan Hasan merupakan pegawai Penyelidik, Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan di Parlimen Malaysia. E-mel: zaleha@parlimen.my.

Penghasilan artikel ini berdasarkan pada kajian kepustakaan dan perbandingan dengan Parlimen di negara lain yang turut mengamalkan tatacara peletakan ayat mengundang-undangan suatu undang-undang seperti di Singapura, Indonesia dan India. Artikel ini merupakan hasil dapatan dan pandangan para penulis susulan penelitian terhadap maklumat yang dirujuk seperti Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan undang-undang terdahulu yang telah diluluskan dalam kedua-dua Majlis Parlimen di Malaysia.

Pengenalan

Sesiapa yang membaca sesuatu akta, sama ada seseorang yang mempunyai latar belakang undang-undang ataupun orang awam kebiasaannya akan terus merujuk kepada seksyen yang berkaitan. Jarang sekali seseorang itu meneliti secara keseluruhan sesuatu akta tersebut ataupun mengambil peduli terutamanya dengan suatu terma yang terdapat pada permulaan sesuatu akta itu.

Terma yang dimaksudkan ini ialah –

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Kebanyakan orang menganggap bahawa terma tersebut hanyalah bersifat formal yang perlu diletakkan pada permulaan sesuatu akta tanpa mengetahui tujuan dan asal usulnya. Inilah terma yang dikenali sebagai “ayat mengundang-undangan suatu undang-undang” atau dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai “*enacting formula of bills*”. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan secara terperinci berkaitan dengan terma ini yang sering tidak dipedulikan.

Menurut *Erskin May*¹, ayat mengundang-undangan suatu undang-undang ialah –

The enacting formula is a short paragraph which precedes the clauses of the bill. This formula, which was developed in the fifteenth century.

1 *Erskine May's Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (25th edn, 2019) pt 4 ch 26, para 26.9, 597.

Seterusnya, dalam *Oxford Reference*² “*enacting words*” ditafsirkan seperti yang berikut:

The introductory words in an Act of Parliament that give it the force of law. They follow immediately after the long title and date of royal assent, unless preceded by a preamble, and normally run: “Be It Enacted by the Queen’s most Excellent Majesty, by and with the advice and consent of the Lords Spiritual and Temporal, and Commons, in this present Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows...”. A special formula is used in cases when the Parliament Acts 1911 and 1949 apply (see Act of Parliament).

Secara ringkasnya, ayat mengundang-undangan ini merupakan terma yang menunjukkan pihak yang telah membuat dan meluluskan sesuatu undang-undang itu serta punca kuasanya. Bahkan ayat mengundang-undangan ini merupakan perkara yang tidak boleh dipinda dalam sesuatu akta (*unamendable descriptive components*) (*chapter number, date of passing, enacting formula, headings, sidenotes, format and punctuation*)³ selepas ia menjadi suatu akta.

Sejarah penggunaan ayat mengundang-undangan ini telah lama wujud sebelum ini. Penggunaan ayat mengundang-undangan dalam undang-undang *United Kingdom* telah bermula sejak awal abad ke-15 berikutan evolusi prosedur penggubalan undang-undang pada ketika itu. Sejarah evolusi ayat mengundang-undangan suatu undang-undang oleh Parlimen *United Kingdom* telah diringkaskan seperti yang berikut:

The evolution of the role of the Commons in the legislative process was also reflected in changes in the wording of the enacting clause used in statutes. Early in the reign of Edward III (1327–77), the words “at the request of the Commons” were used as the enacting clause. Under Henry VI, the words “by authority of Parliament” first appeared in legislation, reflecting the growing influence of the Commons in the legislative process.

Once it had been agreed that the statutes should accurately reflect Parliament’s requests in relation to legislation, it became necessary to

2 Oxford Reference, *Enacting Formula* <https://www.oxfordreference.com/display/10.1093/oi/authority.20110803095750537#:~:text=Quick%20Reference,it%20the%20force%20of%20law.>

3 3 *Two Square Sdn Bhd v Perbadanan Pengurusan 3 Two Square and other appeals* [2021] 3 MLJ 280 (CA).

formulate procedural rules to guide the introduction and passage of bills. By the end of the reign of Elizabeth I (1558–1603), the practices of three readings, with no debate on the first reading, and of reference of the bill under consideration to a committee after second reading, were already firmly entrenched.⁴

Objektif penulisan

Tanpa hasrat untuk mencadangkan apa-apa pindaan terhadap undang-undang sedia ada, artikel ini bertujuan memberikan pendedahan kepada umum berhubung peranan ayat mengundang-undang undang-undang dan membolehkan pemahaman yang lebih mendalam berkaitan peletakan terma berkenaan dalam undang-undang kita.

Secara asasnya, artikel ini ditulis berdasarkan pada penelitian terhadap peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Undang-undang Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia.

Kuasa perundangan badan perundangan

Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama Persekutuan dan undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengannya adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu. Hal ini bermakna Malaysia merupakan sebuah negara yang berlandaskan ketinggian Perlembagaan (*constitutional supremacy*)⁵ yang menetapkan pembahagian kuasa kepada tiga cabang utama, iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman.

Dalam hal ini, penubuhan Badan Perundangan Persekutuan yang dikenali sebagai Parlimen yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah diperuntukkan dalam Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan, sementara pelaksanaan kuasa

4 Parliament of Canada, *The Legislative Process: Historical Perspective – United Kingdom* https://www.ourcommons.ca/procedure/procedure-and-practice-3/ch_16_1-e.html#:~:text=A%20few%20years%20later%2C%20during,be%20altered%20without%20their%20consent.&text=The%20evolution%20of%20the%20role,Commons%20in%20the%20legislative%20process.&text=Once%20it%20had%20been%20agreed,reading%2C%20were%20already%20firmly%20entrenched

5 *Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases* [2021] 3 MLJ 759 (FC).


perundangan pula diperuntukkan dalam Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 66 ini memperincikan pelaksanaan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh Parlimen dalam meluluskan sesuatu rang undang-undang.

Secara khususnya, Perkara 66(3) PP telah memperuntukkan perkara yang perlu dipatuhi sebelum suatu RUU dikemukakan untuk diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Perkara 66(3) PP memperuntukkan perkara seperti yang berikut:

Apabila sesuatu Rang Undang-Undang telah diluluskan oleh Majlis Parlimen tempat Rang Undang-Undang itu bermula, maka Rang Undang-Undang itu hendaklah dihantar kepada Majlis Parlimen yang satu lagi; dan Rang Undang-Undang itu hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya apabila telah diluluskan oleh Majlis Parlimen yang satu lagi itu dan persetujuan telah dicapai antara kedua-dua Majlis Parlimen itu mengenai apa-apa pindaan yang dibuat dalam Rang Undang-Undang itu atau apabila Rang Undang-Undang itu dikehendaki dikemukakan sedemikian di bawah Perkara 68.

(Penekanan ditambah)

Berdasarkan pada petikan di atas, Perkara 66(3) PP telah memperuntukkan bahawa pengemukakan RUU akan dikemukakan untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong dalam keadaan seperti yang berikut:



Maka persoalannya ialah bagaimana Parlimen memaklumkan tentang status atau keadaan RUU itu dikemukakan? Perkara ini membawa kepada keperluan dan kepentingan peletakan ayat mengundang-undangan dalam suatu undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Parlimen yang kini membawa fokus artikel ini kepada peruntukan kedua-dua Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Evolusi ayat mengundang-undangan suatu undang-undang di Malaysia

Sebagaimana evolusi yang berlaku dalam undang-undang, begitu juga evolusi yang berlaku dalam “ayat mengundang-undangan suatu undang-undang” di Malaysia. Bagi maksud rujukan dan untuk menunjukkan evolusi tersebut, yang berikut merupakan beberapa akta, secara rawak, yang telah diluluskan oleh Parlimen dengan peletakan ayat mengundang-undangan suatu undang-undang:

Akta	Ayat Mengundang-undangan RUU
Akta Perbekalan 1991	MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:
Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1991	MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:
Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1991	MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:
Akta Perbekalan 1996	MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:”
Akta Syarikat (Pindaan) 1996	MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Akta	Ayat Mengundang-undangan RUU
Akta Perbekalan 2008	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Pendidikan (Pindaan) 2008	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2008	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Kewangan 2018	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
RUU Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Anti Berita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Kewangan 2023	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:
Akta Timbang Tara (Pindaan) 2024	DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Dapat dilihat bahawa wujudnya perubahan ayat mengundang-undangan suatu undang-undang selepas tahun 1996, namun perubahan tersebut disebabkan oleh pindaan terhadap Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jelas dilihat bahawa terma ini merupakan sebahagian penting dalam undang-undang kita selama ini.

Bagi memahami hasrat dan latar belakang peruntukan kedua-dua Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, rujukan dibuat terhadap peruntukan asal kedua-dua Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat

Dewan Negara dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat itu yang jelas ditunjukkan dalam jadual seperti yang berikut:

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara

Tahun	Peruntukan
1982	Formula bagi memperbuat Rang Undang-undang 50A. Formula bagi memperbuat undang-undang untuk semua Rang Undang-undang hendaklah “Maka inilah diperbuat Undang-Undang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut”. Dengan syarat bahawa bagi hal mana-mana undang-undang yang berjalan kuatkuasanya menurut Perkara 68 dalam Perlembagaan maka formula bagi memperbuat undang-undang hendaklah “Maka inilah diperbuat undang-undang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, menurut peruntukan-peruntukan Perkara 68 Perlembagaan dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut.
2001 (peruntukan sedia ada)	Ayat mengundang-undangkan 50A. Ayat mengundang-undangkan semua Rang Undang-undang hendaklah seperti yang berikut: <i>“Diperbuat oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:”</i> Tetapi dengan syarat bahawa dalam hal mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa menurut Perkara 68 Perlembagaan maka ayat mengundang-undangkan Rang Undang-undang itu hendaklah seperti yang berikut: <i>“Diperbuat oleh Parlimen Malaysia menurut Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:”</i>

Tahun	Peruntukan
1956	Perkataan mengundang²kan Undang² 48. Sĕmua Undang² yang di-luluskan oleh Majlis Mĕshuarat hĕndak-lah di-gĕlar “Undang²” dan pĕrkataan mĕngundang-undangkan itu hendak-lah dĕmikian bunyi-nya, “Di-pĕrbuat undang² ini oleh Pĕsuroh Jaya Tinggi, Pĕrsĕkutan Tanah Mĕlayu dan Yang Maha Mulia Raja² Nĕgĕri Mĕlayu dĕngan nasihat dan pĕrsĕtujuan Majlis Mĕshuarat Undangan.”: Dĕngan sharat jika apa² undang² yang bĕrjalan kuat kuasa-nya dĕngan kerana pĕmashhoran yang di-kĕluarkan oleh Pĕsuroh Jaya Tinggi menurut Fasal 52 dalam Pĕrjanjian Pĕrsĕkutan Tanah Mĕlayu, maka pĕrkataan mĕngundang-undangkan itu hendak-lah dĕmikian bunyi-nya, “Di-pĕrbuat undang² ini oleh Pĕsuroh Jaya Tinggi, Pĕrsĕkutan Tanah Mĕlayu menurut Fasal 52 dalam Pĕrjanjian Pĕrsĕkutan Tanah Mĕlayu 1948.”
1986	Ayat mengundang-undangkan Rang Undang-Undang 95. Ayat mengundang-undangkan semua Rang Undang-undang hendaklah seperti berikut, “Bahawasanya diperbuat Undang-undang ini oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan <u>persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen</u>, dan dengan kuasa kedua-dua Dewan itu, seperti berikut:” Tetapi disyaratkan iaitu berkenaan dengan apa-apa undang-undang yang berjalan kuatkuasanya menurut Perkara 68 dalam Perlembagaan, maka ayat mengundang-undangkan Rang Undang-Undang itu hendaklah seperti berikut— “Bahawasanya diperbuat Undang-undang ini oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan <u>persetujuan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen</u>, menurut syarat-syarat Perkara 68 dalam Perlembagaan, dan dengan kuasa Dewan Rakyat, seperti berikut:”. <i>*penekanan ditambah</i>

Tahun	Peruntukan
1998 (peruntukan sedia ada)	Ayat mengundang-undangan Rang Undang-undang 95. Ayat mengundang-undangan semua Rang Undang-undang hendaklah seperti yang berikut: <i>“Diperbuat oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:”</i> Tetapi disyaratkan bahawa dalam hal mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa menurut Perkara 68 Perlembagaan maka ayat mengundang-undangan Rang Undang-undang itu hendaklah seperti yang berikut: <i>“Diperbuat oleh Parlimen Malaysia menurut Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:”</i>

Penelitian terhadap kedua-dua peruntukan Peraturan Mesyuarat 50A Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara (“PPMMDN”) dan Peraturan Mesyuarat 95 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (“PPMMDR”) jelas menunjukkan bahawa terdapat dua jenis ayat mengundang-undangan suatu undang-undang iaitu:

- (a) ayat mengundang-undangan RUU bagi semua RUU; dan
(kemudian daripada ini dirujuk sebagai “perenggan (a)”)
- (b) ayat mengundang-undangan RUU bagi RUU di bawah Perkara 68 PP.

(kemudian daripada ini dirujuk sebagai “perenggan (b)”)

Jika dibuat semakan silang dengan RUU yang dirujuk dalam senarai pada bahagian awal artikel ini, dapat dilihat bahawa hanya ayat mengundang-undangan RUU dalam perenggan (a) telah digunakan bagi RUU yang telah diluluskan dalam Parlimen.

Persoalan seterusnya ialah apakah keadaan yang membawa kepada peletakan ayat mengundang-undangan dalam perenggan (b)? Perkara ini membawa fokus artikel ini kepada peruntukan Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

Assent to Bills passed by House of Representatives only

68. (1) *Where a money Bill is passed by the House of Representatives and, having been sent to the Senate at least one month before the end of the session, is not passed by the Senate without amendment within a month, it shall be presented to the Yang di-Pertuan Agong for his assent unless the House of Representatives otherwise directs.*

(2) *Where—*

- (a) *a Bill which is not a money Bill is passed by the House of Representatives and, having been sent to the Senate at least one month before the end of the session, is not passed by the Senate or is passed by the Senate with amendments to which the House of Representatives does not agree; and*
- (b) *in the following session (whether of the same Parliament or not) but not earlier than one year after it was first passed by the House of Representatives the same Bill, with no other alterations than those mentioned in Clause (3), is passed again by the House of Representatives and sent to the Senate at least one month before the end of the session and is not passed by the Senate or is passed by the Senate with amendments to which the House of Representatives does not agree,*

the Bill shall, unless the House of Representatives otherwise directs, be presented to the Yang di-Pertuan Agong for his assent with such amendments, if any, as may have been agreed to by both Houses.

- (3) *The alterations referred to in Clause (2) are alterations certified by the Speaker of the House of Representatives to be necessary owing to the time which has elapsed since the Bill was passed in the earlier session or to represent amendments made in that session by the Senate.*
- (4) *When a Bill is presented to the Yang di-Pertuan Agong in pursuance of this Article it shall bear a certificate of the Speaker of the House of Representatives that the provisions of this Article have been complied with, and that certificate shall be conclusive for all purposes and shall not be questioned in any court.*
- (5) *This Article does not apply to any Bill for making any amendment to this Constitution, other than an amendment excepted from the provisions of Clause (3) of Article 159.*
- (6) *In this Article “money Bill” means a Bill which, containing in the opinion of the Speaker of the House of Representatives only provisions dealing with all or any of the following matters, that is to say—*
 - (a) *the matters mentioned in Clause (1) of Article 67 or the regulation of any tax;*
 - (b) *the reduction of any such amount as is mentioned in paragraph (d) of Clause (1) of Article 67; and*
 - (c) *any matter incidental to those matters or any of them, is certified by him as a money Bill.*

Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan terutamanya Perkara 68(1) dan Perkara 68(2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan tentang situasi apabila suatu RUU itu hanya diluluskan dalam satu Majlis Parlimen sahaja dan persetujuan kedua-dua Majlis Parlimen tidak diperoleh. Situasi yang diperuntukkan ialah:

- (a) Perkara 68(1) PP: Perkara ini merupakan suatu RUU Wang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat tetapi RUU Wang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara tanpa pindaan dalam tempoh sebulan;
- (b) Perkara 68(2)(a) PP: Perkara ini merupakan RUU lain (selain RUU Wang) yang diluluskan oleh Dewan Rakyat tetapi tidak diluluskan oleh Dewan Negara sebelum akhir penggal itu atau diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat; atau
- (c) Perkara 68(2)(b) PP: setahun selepas RUU dalam Perkara 68(2)(a) PP di atas diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat tetapi sekali lagi tidak diluluskan oleh Dewan Negara sebelum akhir penggal itu atau sekali lagi diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat.

Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tentang situasi yang mana suatu undang-undang itu tidak mendapat persetujuan daripada kedua-dua Majlis Parlimen dan hanya satu dewan sahaja yang mempersetujui undang-undang itu. Jelas bahawa ketiadaan persetujuan daripada kedua-dua dewan terhadap undang-undang itu tidak menyekat undang-undang tersebut daripada dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan. Namun, hal tersebut tertakluk kepada peletakan ayat mengundang-undangkan undang-undang itu.

Selepas situasi kelulusan suatu undang-undang dikenal pasti, sama ada undang-undang itu dipersetujui oleh kedua-dua dewan atau hanya dipersetujui oleh satu dewan, Parlimen akan menentukan penggunaan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang itu berdasarkan pada peruntukan Peraturan Mesyuarat 50A Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ("PPMMDN") dan Peraturan Mesyuarat 95 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ("PPMMDR"). Secara ringkasnya, penetapan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang akan menjadi seperti yang berikut:

- (a) sekiranya suatu undang-undang itu dipersetujui oleh kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat, maka peletakan ayat mengundang-undangan RUU itu ialah “DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:”; namun,
- (b) sekiranya undang-undang itu hanya diluluskan pada satu Majlis Parlimen sahaja dan persetujuan kedua-dua Majlis Parlimen tidak diperoleh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 68 PP, maka ayat mengundang-undangan RUU itu ialah “Diperbuat oleh Parlimen Malaysia menurut Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:”.

Peletakan ayat mengundang-undangan suatu undang-undang merupakan cara paling mudah untuk menunjukkan status kelulusan suatu undang-undang tersebut iaitu, sama ada undang-undang itu telah dipersetujui oleh kedua-dua dewan atau hanya dipersetujui oleh satu dewan sahaja.

Selain tanggungjawabnya sebagai pembuat undang-undang, Majlis Parlimen turut mewakili suara rakyat. Oleh yang demikian, status kelulusan suatu undang-undang tersebut iaitu, sama ada undang-undang itu telah dipersetujui oleh kedua-dua dewan atau hanya dipersetujui oleh satu dewan sahaja merupakan suatu penanda yang penting kepada Yang di-Pertuan Agong semasa hendak memperkenalkan suatu undang-undang itu. Perkara ini penting kerana hal ini bukan sahaja mencerminkan tahap penerimaan Majlis Parlimen terhadap undang-undang tersebut, malah turut mencerminkan kesan pemakaian undang-undang itu kelak.

Perbandingan ayat mengundang-undangan dalam undang-undang negara lain dan negeri-negeri di Malaysia

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, peletakan ayat mengundang-undangan suatu undang-undang menunjukkan bahawa status kelulusan suatu undang-undang tersebut iaitu, sama ada undang-undang itu telah dipersetujui oleh kedua-dua dewan atau hanya dipersetujui oleh satu dewan sahaja. Selain itu, hal ini juga adalah untuk menunjukkan bahawa undang-undang tersebut mematuhi proses perundangan Parlimen yang turut ditekankan oleh badan perundangan negara yang lain.

Artikel ini telah membuat rujukan dengan undang-undang di Singapura, Indonesia dan India. Ketiga-tiga negara tersebut juga sama seperti di Malaysia iaitu, turut telah meletakkan ayat mengundang-undangan suatu undang-undang sebagai sebahagian daripada undang-

undang mereka. Bagi maksud rujukan, contoh undang-undang negara lain adalah seperti yang berikut:

Negara	Undang-Undang	Ayat Mengundang-undangan
Singapura	<i>Workplace Fairness Act 2024</i> ⁶	<i>BE it enacted by the President with the advice and consent of the Parliament of Singapore, as follows:</i>
India	<i>The Appropriation Bill, 2024</i> ⁷	<i>BE it enacted by Parliament in the Seventy-fifth Year of the Republic of India as follows: —</i>
Indonesia	Undang-Undang Tentang Pertanggungjawaban Atas Pelaksanaan Anggaran Pendapatan Dan Belanja Negara Tahun Anggaran 2023 ⁸	Dengan Persetujuan Bersama DEWAN PERWAKILAN RAKYAT REPUBLIK INDONESIA dan PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA MEMUTUSKAN

Contoh undang-undang negeri-negeri lain di Malaysia adalah seperti yang berikut:

Negeri	Undang-Undang	Ayat Mengundang-undangan
Sarawak	<i>Sarawak Multimedia Authority Ordinance, 2017</i> ⁹	<i>Enacted by the Legislature of Sarawak—</i>
Johor	Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri (Pindaan) 2021 ¹⁰	BAHAWA DENGAN INI DIPERUNDANG-UNDANGKAN oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

6 Parliament of Singapore, ‘Bills Introduced’ <https://www.parliament.gov.sg/parliamentary-business/bills-introduced> accessed 20 July 2025.

7 Lok Sabha, ‘The Bharatiya Nyaya Sanhita, 2024’ https://sansad.in/getFile/BillsTexts/LSBillTexts/Asintroduced/20_2024_LS_Eng28202470335PM.pdf?source=legislation accessed 20 July 2025.

8 Government of Indonesia, *Undang-Undang No. 60 Tahun 2024* <https://peraturan.bpk.go.id/Details/304399/uu-no-60-tahun-2024> accessed 20 July 2025.

9 Sarawak Government, *Sarawak Multimedia Authority Ordinance 2017* https://lawnet.sarawak.gov.my/lawnet_file/Ordinance/ORD_Sarawak%20Multimedia%20Authority%20Ord.%20%202017%20LawNet.pdf.

10 Johor State Legislative Assembly, ‘Rang Undang-Undang / Enakmen’ <https://dewannegeri.johor.gov.my/rang-undang-undang-enakmen/>.

Negeri	Undang-Undang	Ayat Mengundang-undangkan
Negeri Sembilan	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ¹¹	DIKANUNKAN oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negeri seperti berikut:

Proses peletakan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang

Secara lazimnya, suatu rang undang-undang yang dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen telah pun meletakkan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang mengikut keadaan bahawa persetujuan daripada kedua-dua Majlis Parlimen telah diperoleh terhadap undang-undang itu.

Walau bagaimanapun, setelah memahami tujuan dan tatacara untuk meletakkan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang iaitu penetapan berkenaan peletakan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang hanya akan dapat ditentukan pada akhir proses perundangan iaitu, selepas kedua-dua dewan telah meneliti, membahaskan undang-undang itu dan mengundi undang-undang itu.

Maka peletakan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang semasa Rang Undang-undang itu dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen masih tidak muktamad selagi proses perundangan tidak lengkap.

Sekiranya situasi yang diperuntukkan oleh Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan berlaku dan persetujuan terhadap undang-undang itu hanya diperoleh daripada satu dewan sahaja, maka ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang sedia ada yang diletakkan mengikut keadaan iaitu, persetujuan daripada kedua-dua Majlis Parlimen telah diperoleh terhadap undang-undang itu perlu dipinda sebelum undang-undang tersebut dikemukakan untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Dalam perkara ini, Peraturan Mesyuarat 60A(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan Mesyuarat 96(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memberi kuasa kepada Setiausaha Dewan masing-masing untuk membuat pindaan

11 Negeri Sembilan State Government, *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003* https://fliphtml5.com/myaus/vabh/9._ENAKMEN_UNDANG-UNDANG_KELUARGA_ISLAM_%28NEGERI_SEMBILAN%29_2003/.

yang tidak melibatkan perubahan dasar dan maksud Rang Undang-undang itu sebelum suatu undang-undang itu diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan.

Peraturan Mesyuarat 60A(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara memperuntukkan perkara seperti yang berikut:


Pada bila-bila masa jua sebelum disiarkan Akta itu, Setiausaha, dengan berunding dengan Setiausaha Dewan Rakyat, boleh membetulkan kesilapan-kesilapan nahu dan ejaan dalam Akta itu atau sebutan yang berulang-ulang isinya atau sebutan-sebutan dalamnya atau tanda-tanda berhenti atau nota birai atau nota bahu dan pada membetulkannya itu bolehlah dibuat apa-apa penambahan, pemotongan atau penggantian apa-apa perkataan lain.;

dan Peraturan Mesyuarat 96(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memperuntukkan perkara seperti yang berikut:

Pada bila-bila masa jua sebelum dikeluarkan Undang-undang itu, Setiausaha, dengan berunding dengan Setiausaha Dewan Negara, boleh membetulkan kesalahan-kesalahan tentang nahu dan kesalahan-kesalahan cap dalam Undang-undang itu, atau sebutan yang berulang-ulang isinya atau dalam sebutan-sebutan di dalamnya, atau tanda-tanda berhenti atau nota birai atau nota bahu dan pada membetulkannya itu bolehlah ditambahnya apa-apa perkataan atau dipotong atau diganti dengan perkataan lain..

Pindaan untuk mengubah peletakan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang merupakan suatu pindaan yang bersifat editorial kerana pindaannya tidak menjejaskan dasar atau maksud asal suatu undang-undang itu. Maka, pindaan ayat mengundang-undangkan dalam suatu undang-undang itu boleh dilaksanakan di bawah Peraturan Mesyuarat 60A(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan Mesyuarat 96(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Bagi memahami prosidur pindaan di bawah Peraturan Mesyuarat 60A(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan Mesyuarat 96(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, carta alir pengemukaan undang-undang untuk diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong serta peletakan ayat mengundang-undangkan suatu undang-undang adalah seperti yang berikut:



Kesimpulan

Secara ringkasnya, selaras dengan Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan dan bagi maksud mencerminkan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat terhadap suatu RUU itu, ayat mengundang-undangan RUU boleh dirumuskan seperti yang berikut:

- (i) sekiranya suatu RUU itu dipersetujui oleh kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat, maka peletakan ayat mengundang-undangan RUU itu ialah *“DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:”*; namun,
- (ii) sekiranya RUU itu hanya diluluskan pada satu Majlis Parlimen sahaja dan persetujuan kedua-dua Majlis Parlimen tidak diperoleh

sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 68 PP, maka ayat mengundang-undangan RUU itu ialah “Diperbuat oleh Parlimen Malaysia menurut Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:”.

Penentuan peletakan ayat mengundang-undangan suatu RUU hanya dapat dibuat sekiranya situasi yang diperuntukkan oleh Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan berlaku. Oleh yang demikian, sekiranya situasi yang diperuntukkan oleh Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan berlaku, maka pindaan terhadap ayat mengundang-undangan suatu RUU bolehlah dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat 60A(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan Mesyuarat 96(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Rujukan

Erskine May, *Treatise on the Law, Privileges, Proceedings and Usage of Parliament* (25th edn, 2019) pt 4, ch 26, para 26.9, 597.

Government of Indonesia, *Undang-Undang No. 60 Tahun 2024* <https://peraturan.bpk.go.id/Details/304399/uu-no-60-tahun-2024>.

Johor State Legislative Assembly, ‘Rang Undang-Undang / Enakmen’ <https://dewannegeri.johor.gov.my/rang-undang-undang-enakmen/>.

Lok Sabha, ‘The Bharatiya Nyaya Sanhita, 2024’ https://sansad.in/getFile/BillsTexts/LSBillTexts/Asintroduced/20_2024_LS_Eng28202470335PM.pdf?source=legislation.

Negeri Sembilan State Government, *Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003* [https://fliphtml5.com/myaus/vabh/9._ENAKMEN_UNDANG-UNDANG_KELUARGA_ISLAM_%28NEGERI_SEMBILAN%29_2003/Oxford Reference, ‘EnactingFormula’https://www.oxfordreference.com/display/10.1093/oi/authority.20110803095750537#:~:text=Quick%20Reference,it%20the%20force%20of%20law](https://fliphtml5.com/myaus/vabh/9._ENAKMEN_UNDANG-UNDANG_KELUARGA_ISLAM_%28NEGERI_SEMBILAN%29_2003/Oxford%20Reference,%20%27EnactingFormula%27https://www.oxfordreference.com/display/10.1093/oi/authority.20110803095750537#:~:text=Quick%20Reference,it%20the%20force%20of%20law).

Parliament of Canada, ‘The Legislative Process: Historical Perspective – United Kingdom’ https://www.ourcommons.ca/procedure/procedure-and-practice-3/ch_16_1-e.html#:~:text=A%20few%20years%20later%2C%20during,be%20altered%20without%20their%20consent.&text=The%20evolution%20of%20the%20role,Commons%20in%20the%20legislative%20process.&text=Once%20it%20had%20

been%20agreed,reading%2C%20were%20already%20firmly%20entrenched accessed 20 July 2025

Parliament of Singapore, 'Bills Introduced' <https://www.parliament.gov.sg/parliamentary-business/bills-introduced>.

Sarawak Government, *Sarawak Multimedia Authority Ordinance 2017* https://lawnet.sarawak.gov.my/lawnet_file/Ordinance/ORD_Sarawak%20Multimedia%20Authority%20Ord.%20%202017%20LawNet.pdf.

Three Two Square Sdn Bhd v Perbadanan Pengurusan Three Two Square and other appeals [2021] 3 MLJ 280 (CA)

Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases [2021] 3 MLJ 759 (FC).